Jadual: Bagaimana Syarikat Insurans Menggunakan Ujian Genetik

Jenis Ujian/ Maklumat	Bolehkah syarikat insurans menggunakan hasil keputusan ujian saya?	
	Permohonan insurans saya	Permohonan insurans ahli keluarga saya
Ujian genetik Terus kepada Pengguna (DTC)	Tidak	Tidak
Ujian genetik dari penyelidikan bioperubatan		
Ujian genetik Hiperkolesterol-emia Keluarga (FH) di bawah program Nasional		
Ujian genetik ramalan	Tidak, kecuali: (1) Perlindungan insurans > had kewangan, dan (2) Ujian diluluskan untuk keadaan perubatan (penyakit Huntington (HTT) atau barah payudara (BRCA1/2))	Tidak
Ujian genetik diagnostik	Ya Tetapi syarikat insurans tidak boleh meminta atau mendesak anda untuk menjalani ujian	Ya Tetapi syarikat insurans tidak boleh meminta atau mendesak ahli keluarga anda untuk menjalani ujian
Diagnosis genetik pra-implantasi (PGD), saringan pranatal atau bayi baru lahir		
Sejarah keluarga bagi keadaan perubatan	Ya	Ya

NOTA:

Jadual ini adalah gambaran keseluruhan ringkas. Imbas kod QR di belakang untuk membaca butiran penuh.

Perkara Penting untuk Diingat



Syarikat insurans tidak boleh meminta anda mengambil ujian genetik.



Hasil keputusan ujian genetik anda dilindungi semasa memohon insurans.



Syarikat insurans masih boleh menanyakan sejarah keluarga atau keadaan perubatan anda yang diketahui.



Moratorium terpakai kepada semua syarikat insurans ahli LIA yang merangkumi semua syarikat insurans hayat berlesen di Singapura.

Imbas untuk butiran penuh

Ada soalan atau maklum balas? Sila emel kami di **HCSA_Enquiries@moh.gov.sg**.

MINISTRY OF HEALTH
SINGAPORE

Ujian Genetik, Insurans dan Moratorium: Apa Anda Perlu Tahu



Panduan Pengguna
Kementerian Kesihatan, Singapura
(Jun 2025)

Mengapa Ujian Genetik Penting

Terdapat dua jenis ujian genetik.

UJIAN GENETIK KLINIKAL



Untuk doktor mendiagnosis penyakit, meramal risiko menghidap penyakit, dan memilih rawatan yang terbaik.

UJIAN GENETIK BUKAN KLINIKAL



Untuk tujuan bukan perubatan seperti mengetahui keturunan anda atau belajar tentang ciri-ciri gaya hidup.

Apa yang boleh ujian genetik klinikal bantu anda?



Ketahui risiko kesihatan yang diwarisi awal



Dapatkan diagnosis lebih cepat dan tepat



Cari rawatan yang lebih sesuai untuk anda



Buat pilihan gaya hidup lebih sihat

NOTA:

Sesetengah ujian bukan klinikal juga mungkin menunjukkan risiko kesihatan, sentiasa berhati-hati dan berjumpa doktor jika anda tidak pasti.

Apa Makna Moratorium

Moratorium terhadap Ujian Genetik dan Insurans melindungi hasil ujian genetik tertentu daripada digunakan oleh syarikat insurans dalam penilaian risiko, agar anda rasa lebih terjamin apabila menjalani ujian genetik klinikal bagi rawatan perubatan atau menyertai perubatan jitu.

Ia terpakai kepada semua syarikat insurans ahli Persatuan Insurans Hayat (LIA) di Singapura.

Perlindungan utama



Syarikat insurans tidak boleh mendesak anda untuk menjalani ujian genetik.



Syarikat insurans tidak boleh meminta atau mengguna hasil keputusan ujian genetik ramalan anda kecuali dalam kes yang jarang berlaku.



Syarikat insurans masih boleh meminta sejarah perubatan keluarga atau keadaan kesihatan anda yang telah didiagnosis.

KEMAS KINI UNTUK 2025

Jika anda dalam Program Ujian Genetik Hiperkolesterolemia Keluarga (FH) Nasional, syarikat insurans tidak boleh meminta atau mengguna hasil keputusan ujian genetik FH anda (ramalan dan juga diagnostik).

Jika anda mengambil ujian genetik FH di luar Program Ujian Genetik FH Nasional, syarikat insurans tidak boleh meminta hasil keputusan ujian genetik ramalan tetapi boleh meminta hasil keputusan ujian genetik diagnostik.

Bagaimana Moratorium Melindungi Anda

Jika anda tidak pernah mengambil ujian genetik	Syarikat insurans tidak boleh meminta atau mendesak anda untuk mengambilnya.
Jika anda pernah mengambil ujian genetik	**Ujian ramalan**[1] Syarikat insurans tidak boleh meminta atau mengguna hasil keputusan ujian anda kecuali syarat-syarat tertentu dipenuhi. (lihat di bawah) **Ujian diagnostik**[2] Syarikat insurans boleh meminta hasil keputusan ujian anda sebagai sebahagian daripada sejarah perubatan anda.

[1] Ujian ramalan meramal risiko penyakit pada masa hadapan terhadap individu tanpa simptom atau tanda-tanda gangguan genetik.
[2] Ujian diagnostik mengesahkan atau menolak diagnosis berdasarkan simptom, tanda-tanda atau hasil ujian bukan genetik sedia ada yang tidak normal.

Bila Keputusan Ujian Ramalan Boleh Digunakan

Syarikat insurans boleh gunakan hasil keputusan ujian ramalan anda hanya jika kedua-dua syarat berikut dipenuhi:

1 Apabila perlindungan insurans yang anda mohon melebihi had tertentu, contohnya, >$2 juta untuk insurans hayat

+

2 Apabila ujian adalah untuk penyakit yang diluluskan, seperti

- Penyakit Huntington (gen HTT)
- Barah Payudara (gen BRCA1 atau BRCA2)

Jika tidak, anda tidak perlu kongsikan hasil keputusan ujian ramalan anda.